

SEMINAR PEGAWAI ANTIDADAH TUDM



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2650-seminar-pegawai-antidadah-tudm

PORT DICKSON, 9 Nov 17 – Seramai 19 orang Pegawai TUDM telah menghadiri Seminar Pegawai Antidadah TUDM 2017 yang dianjurkan oleh Cawangan Provos Marsyal mulai 6 hingga 9 Nov 17 di Hotel Legacy, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Tujuan seminar adalah untuk memperkemaskan bidang tugas Pegawai Antidadah Skn/Unit dan menyelaraskan pelaksanaan Program Antidadah di peringkat Skn/Unit agar bertetapan dengan Pelan Tindakan Antidadah ATM.

Di samping itu, ianya dapat memberi pendedahan kepada Pegawai Antidadah Skn/Unit berkenaan kesedaran dan kepentingan pembanterasan penyalahgunaan dadah di kalangan anggota TUDM.

Majlis penutup seminar telah disempurnakan oleh Asisten Ketua Staf Tadbir, YBhg Brig Jen Dato' Dr. Ismail bin Manuri TUDM yang mewakili Timbalan Panglima Tentera Udara.



